

ORALON DENTAL PASTE

Triamcinolone Acetonide (0.1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Oralon Dental Paste
2. Bagaimanakah Oralon Dental Paste berfungsi
3. Sebelum menggunakan Oralon Dental Paste
4. Cara menggunakan Oralon Dental Paste
5. Semasa menggunakan Oralon Dental Paste
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Oralon Dental Paste
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Oralon Dental Paste

Oralon Dental Paste digunakan sebagai rawatan tambahan dan sementara mengurangkan keradangan dan ulser di dalam mulut yang tidak berkaitan dengan jangkitan herpes.

Bagaimanakah Oralon Dental Paste berfungsi

Oralon Dental Paste mengandungi bahan aktif Triamcinolone Acetonide. Triamcinolone Acetonide digunakan untuk menyempitkan saluran darah dan mengurangkan keradangan dan kegatalan pada kulit atau membran mukus.

Sebelum menggunakan Oralon Dental Paste

-Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alah (hipersensitif) kepada Triamcinolone Acetonide atau mana-mana bahan di dalam Oralon Dental Paste.
- Jika anda mempunyai luka-luka herpes yang asal virusnya diketahui.

-Sebelum mula menggunakan Oralon Dental Paste

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda mempunyai keadaan di bawah kerana Oralon Dental Paste tidak sepatutnya digunakan di keadaan di bawah:

- i. Kehadiran jangkitan.
- ii. Tuberkulosis (jangkitan bakteria yang biasanya

bertindak pada paru-paru), ulser perut, atau kencing manis.

Sekiranya keadaan anda tidak bertambah pulih dalam masa 7 hari setelah anda menggunakan Oralon Dental Paste, anda seharusnya hubungi doktor anda kerana pemeriksaan teliti terhadap keadaan luka mulut perlu dilakukan oleh doktor anda.

Mengandung dan menyusukan bayi

Beritahu doktor anda jika anda berfikir anda mungkin mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi. Oralon Dental Paste tidak seharusnya digunakan oleh wanita yang berupaya mengandung terutamanya ketika peringkat awal kehamilan kecuali potensi manfaat dijangka melebihi potensi risiko.

-Jika mengambil ubat-ubatan lain

Sila beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil mana-mana ubat lain, termasuk tonik herba, diet tambahan atau ubat-ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Oralon Dental Paste

-Berapa banyak harus digunakan

- Guna Oralon Dental Paste seperti mana yang diarahkan oleh doktor anda. Anda perlu periksa dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti.
- Sapu satu lapisan nipis Oralon Dental Paste pada kawasan luka dua atau tiga kali sehari.
- Menggunakan penyeka kapas semasa menyapu Oralon Dental Paste akan mengelakkan sebarang penyerapan yang mungkin disebabkan oleh sentuhan dengan kulit.
- Oralon Dental Paste seharusnya ditekan dan bukannya digosok pada luka. Menggosok Oralon Dental Paste pada luka akan menyebabkan 'gritty sensation' (rasa berpasir dalam mulut) dan menyebabkan keoyakan. Satu lapisan yang licin terbentuk selepas penggunaan.

-Bila perlu digunakan

Oralon Dental Paste harus disapu pada kawasan luka selepas makan dan sebelum tidur.

-Berapa lama perlu digunakan

Terus menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

- Sekiranya anda terlupa satu dos, sapukan segera sebaik saja anda teringat.
- Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas.
- Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Menggunakan terlalu banyak Oralon Dental Paste boleh meningkatkan peluang untuk mengalami iritasi kulit seperti rasa panas seperti pedih, kegatalan, gelembung atau kelupasan kulit.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda berfikir anda atau sesiapa sahaja yang mungkin telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang rasa tidak selesa atau kesan keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Oralon Dental Paste

-Perkara yang perlu dilakukan

Anda harus menggunakan Oralon Dental Paste tepat seperti apa yang doktor anda telah menetapkan.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan Oralon Dental Paste kepada orang lain, walaupun tanda-tanda mereka seolah-olah serupa atau mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda. Doktor anda telah mempreskripsikan Oralon Dental Paste untuk anda dan keadaan anda sahaja.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, jangkitan atau iritasi, anda harus merujuk doktor anda untuk mendapatkan nasihat.

Ubat ini akan mengurangkan sistem imun oral anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Oralon Dental Paste boleh mempunyai kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mendapatnya. Kesan sampingan yang mungkin berlaku dengan ubat ini adalah seperti berikut:

- Tanda jangkitan:
Sakit, kemerahan, atau lepuh bernanah.
- Tanda iritasi:
Pedih, kegatalan, lepuh atau kulit terkupas yang tidak berlaku sebelum terapi.

Sekiranya kesan sampingan bertambah serius, atau anda perhatikan sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Sila hubungi doktor atau ahli farmasi anda sekiranya terdapat keraguan atau ingin mendapat maklumat yang selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety)

Cara penyimpanan dan pelupusan Oralon Dental Paste

-Penyimpanan

Jangan gunakan selepas tarikh luput yang dinyatakan pada pek. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Oralon Dental Paste perlu disimpan pada suhu di antara 15 hingga 25°C. Tuib hendaklah ditutup dengan ketat selepas penggunaan setiap kali.

Jauhkan daripada pencapaian kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubat tidak boleh dibuang melalui air kumbahan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk membuang ubat-ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Pes yang berwarna keperangan muda dalam tiub bercetak dengan penutup putih.

Ia dibekal dalam 5g tiub aluminium.

-Bahan-bahan Kandungan

- Bahan aktif:
Triamcinolone Acetonide.
- Bahan tak aktif:
Mineral Oil Heavy, White Petrolatum/
Soft Paraffin, White Wax, Cholesterol,
Stearyl Alcohol, Gelatin, Pectin,
Carboxymethylcellulose Sodium.

- Nombor MAL:

MAL19920519AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 14, Lebuhraya Kg Jawa, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

04/05/2017

Nombor siri:

BPFK (R4/1) 030517/ 00091